

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN HARI TERBUKA INSTITUT PENYELIDIKAN
PERUBATAN MENANDAKAN ULANGTAHUN KE-100 IMR
DI INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR)
24 OGOS 2000

Saya sungguh berbesar hati berada di sini untuk merasmikan Majlis Hari Terbuka Institut Penyelidikan Perubatan, IMR, sebagai sebahagian daripada perayaan yang diadakan sepanjang tahun sempena sambutan ulang tahunnya ke-100. Di Malaysia, kita mempunyai banyak institut penyelidikan, namun IMR adalah merupakan institut penyelidikan yang tertua sekali dan salah satu daripada yang tertua di rantau ini.

2. Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah ditubuhkan pada tahun 1900 untuk menjalankan penyelidikan penyakit-penyakit tropika yang tersebar luas ketika itu, dengan tujuan, 'Untuk Meningkatkan Taraf Kehidupan Rakyat' melalui penyelidikan kesihatan. Fungsi dan skop institut ini merangkumi penyelidikan, diagnostik, khidmat rundingan dan latihan. Sepanjang 100 tahun ini, IMR telah memberi sumbangan tak ternilai dalam banyak bidang.

3. Saya sungguh gembira setelah difahamkan tentang pelbagai sumbangan IMR dalam bidang penyelidikan perubatan serta perkhidmatan kesihatan keseluruhan di negara ini. Sejak awal penubuhannya, IMR telah memberi sumbangan yang ketara dalam penyelidikan penyakit-penyakit tropika. Institut ini disanjung tinggi atas sumbangan utamanya dalam penemuan punca dan rawatan beri-beri dan kes pertama nyamuk yang dijangkiti parasit malaria. Ini adalah perkara yang membuatkan kita semua berasa bangga.

4. Pada tahun-tahun 1980-an, usaha-usaha penyelidikan di IMR telah membawa kepada beberapa penemuan baru. Antaranya ialah:

(i) Spesies baru Schistosome telah dijumpai di kawasan sungai di negeri Pahang pada tahun 1981. Pengkulturan larva Filaria pertama kalinya di luar perumah haiwan membolehkan pengujian in-vitro Filarisida yang berguna dalam melawan jangkitan Filariasis di seluruh dunia. Kajian terhadap status pemakanan di luar bandar telah dapat membantu membentuk program pemakanan dan mengasaskan penubuhan beberapa polisi pemakanan kebangsaan hari ini.

(ii) Kajian terhadap penyakit cirit-birit, infeksi saluran pernafasan akut dan imunisasi di kalangan kanak-kanak telah dapat membantu pengurus program kawalan penyakit berjangkit untuk menghalusi lagi program kawalan penyakit di kalangan kanak-kanak. Penyelidikan ke atas penyakit virus seperti influenza dan polio telah membantu dalam program pengawasan kebangsaan dan usaha-usaha pembasmian polio di negara kita.

(iii) Penyelidikan terhadap penyakit nosokomial menghasilkan garis-garis panduan berguna dalam mengurangkan infeksi di hospital. Penyelidikan yang dijalankan ke atas keberkesanan racun serangga dan kerintangannya terhadap vektor penyakit-penyakit penting seperti denggi dan malaria telah membawa kepada penemuan kaedah-kaedah pengawalan yang lebih berkesan.

(iv) Pada tahun 1990, penyelidik-penyelidik IMR telah menemui *Clostridium Bifermentans Malaysia*, iaitu bakteria anaerobik pembunuh serangga yang pertama di dunia.

5. Saya juga sungguh gembira apabila mengetahui bahawa aktiviti-aktiviti IMR tidak terhad di Malaysia sahaja. IMR terkenal di dalam dan di luar negara. IMR telah berjaya membentuk reputasi antarabangsa yang teguh yang membolehkannya menjalin pertalian dengan organisasi-organisasi dan institut-institut di luar negara. IMR, dalam semangat kerjasama serantau, telah diberi penghormatan sebagai pusat serantau untuk kedua-dua SEAMEO-TROPMED dan Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO). Baru-baru ini, sebuah program 3 tahun untuk kajian penyakit-penyakit tropika dan bioteknologi telah dijalankan dengan kerjasama Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Japan International Cooperation Agency, JICA). Kerjasama ini telah membawa banyak manfaat terutamanya di dalam pemindahan teknologi, hadiah latihan, geran penyelidikan serta projek penyelidikan usahasama.

6. Dalam konteks yang sama, IMR juga telah banyak memberi sumbangan penting terutamanya di rantau ini. Saya difahamkan IMR telah terlibat dalam kajian berkenaan penyakit-penyakit seperti malaria dengan saintis-saintis dari negara China, dan kajian pemakanan berasaskan komuniti dengan Kementerian Kesihatan Brunei dan Laos, dan telah juga memberi latihan kepada pekerja-pekerja kesihatan dari negara-negara ini.

7. Selaras dengan polisi kerajaan untuk memberi bantuan teknikal kepada negara-negara sedang membangun yang lain, IMR telah melatih ramai peserta dari negara-negara di Afrika, Eropah Timur, Timur Tengah, Asia Selatan, Kepulauan Pasifik serta jiran-jiran kita di rantau Asia Tenggara dalam bidang penyakit-penyakit tropika, mikrobiologi, pemakanan dan yang terkini, bioteknologi. Kerajaan Malaysia melalui Program Usahasama Teknikal Malaysia telah memberi sumbangan kewangan untuk menjalankan latihan dalam bidang perubatan tropika.

8. Kerajaan menyedari bahawa pertumbuhan ekonomi jangka panjang negara ini bergantung kepada peningkatan dalam penggunaan pengetahuan, teknologi dan kemahiran bagi meningkatkan produktiviti dan persaingan industri di samping memperbaiki taraf kehidupan. Pertumbuhan hasil dorongan produktiviti bergantung juga kepada kemahiran dalam segi sains dan teknologi, input penyelidikan dan pembangunan di samping keupayaan rakyat kita sendiri.

9. Kerajaan mengakui pentingnya penyelidikan dan pembangunan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan bagi kesihatan, sosial dan ekonomi. Oleh kerana itu, kerajaan telah merumuskan polisi untuk membina infrastruktur dan menyediakan sumber kewangan untuk bidang penyelidikan. Kerajaan menganggap perbelanjaan ini sebagai pelaburan untuk masa depan kita. Tetapi penyelidikan yang bagus memerlukan kekuatan keupayaan penyelidikan yang sesuai. Apa yang saya maksudkan bukan hanya dengan menyediakan peralatan yang canggih dan teknologi yang terkini tetapi rakyat juga perlu diberi latihan untuk menggunakannya dengan betul.

10. Tenaga sumber manusia kita merupakan alat yang terbaik untuk pembangunan industri dan kejayaan negara ini dalam masa yang akan datang dan seterusnya. Ianya bukan sahaja ditentukan oleh sumbangan wang yang diberikan dalam penyelidikan tetapi oleh kemahiran dalam teknologi. Ini ditentukan oleh pelaburan yang dilakukan dalam pendidikan dan latihan dan bukan hanya mendapatkan

kemahiran dan pengetahuan yang asas.

11. Perlu disisipkan dalam pemikiran kita bahawa kejayaan negara kita pada masa hadapan bergantung pada wujudnya masyarakat yang berpengetahuan. Di sini saya perlu tekankan bahawa pembangunan profesional berterusan harus dianggap sebagai proses utama dan ianya perlu diberi keutamaan dalam semua bidang kerja. Ini perlu diberikan penekanan yang lebih terutamanya dalam bidang penyelidikan.

12. Sekiranya kita mahu mahir dalam bidang sains, maka kita perlu berupaya menarik minat cendekiawan ke dalam bidang ini. Sekarang tidak lagi wujud keadaan di mana seseorang akan menceburi bidang pengajian yang akan melibatkan sepanjang umur hidup mereka hanya disebabkan oleh minat dan keinginan untuk berkhidmat. Kita perlu menjadikan penyelidikan sains menarik bagi generasi muda dengan menyediakan peluang kerjaya yang memuaskan dalam sektor awam. Dengan cara ini, para cerdik pandai akan merasakan bahawa kerjaya mereka dalam bidang sains sangat memuaskan. Dengan cara begitu, baru kita berupaya mewujudkan budaya cemerlang dan membentuk pusat-pusat sains cemerlang dalam negara kita.

13. Di samping itu, para saintis kita akan merasakan diri mereka setanding dengan para saintis serantau dan juga dunia. Tetapi ini tidak akan wujud dalam sekelip mata. Ianya memerlukan pelaburan yang besar, pekerja yang rajin, tekun berdisiplin dan terutama sekali ialah keupayaan untuk berjaya.

14. Semenjak merdeka, Malaysia telah mengubah dasar ekonomi dari hasil pertanian kepada hasil industri. Dengan berlakunya perubahan ini, cara kehidupan masyarakat juga berubah. Ianya membawa perubahan kepada jenis penyakit dalam negara ini, mengubah paradigmanya dan kesemua perubahan ini memberi cabaran baru dalam sektor kesihatan. Kita perlu berusaha agar berupaya menghadapi cabaran ini sedaya mungkin.

15. Saya rasa gembira dengan tindakan yang telah diambil oleh IMR untuk menyahut cabaran ini. Semenjak beberapa tahun yang lepas, IMR telah memulakan hala tuju penyelidikan yang baru di samping mengekalkan kemahiran tradisi dalam bidang penyakit tropika. Ini meliputi penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung dan kanser, di mana kedua-duanya merupakan punca utama kematian dalam negara ini.

16. Kegiatan pembangunan bandar yang meningkat pada kadar yang cepat dan perubahan dalam segi demografi populasi mungkin menyebabkan penurunan dalam kualiti kehidupan masyarakat. Untuk menandingi masalah ini, maka timbul kesedaran untuk mewujudkan di IMR sebuah pusat penyelidikan kesihatan alam sekitar pada tahun 1996. Pusat ini mendapat sokongan kewangan daripada kerajaan dan juga WHO. Ianya berfungsi bagi menyelaraskan dan juga melakukan penyelidikan berkaitan dengan kesihatan persekitaran.

17. Semenjak kebelakangan ini, pihak IMR telah menumpukan perhatian kepada penggunaan bioteknologi sebagai alat dalam penyelidikan dan pelbagai teknik bioteknologi terkini sedang digunakan bagi memperbaiki atau menghasilkan kaedah diagnostik penyakit dan juga pencirian punca penyakit yang baru atau yang wujud semula. Saya amat gembira apabila mendapat tahu IMR telah menubuhkan sebuah pusat penyelidikan perubatan herba. Ia diharapkan dapat menyelaras penyelidikan perubatan herba di Malaysia dan menyediakan bukti saintifik untuk efikasi dan

keselamatan hasil herba tradisi.

18. Daripada semua kegiatan ini, sudah jelas bahawa IMR memang berupaya menghadapi cabaran baru dan keperluan perubahan dalam sektor kesihatan. Tugas utamanya di masa hadapan ialah menyediakan strategi dan rancangan tindakan untuk mendapatkan kemahiran dalam teknologi baru dan terkini. Ini untuk memastikan para penyelidiknyanya sentiasa meningkatkan kemahiran dan kepakaran untuk menghadapi cabaran.

19. Sekarang kita hidup dalam zaman di mana peranan penyelidikan kesihatan telah diambilalih oleh syarikat- syarikat multinasional yang mementingkan keuntungan. Syarikat-syarikat ini berupaya membangunkan kajian ubat- ubatan baru dan teknologi diagnostik baru. Oleh kerana itu, penyelidikan kesihatan yang dibiayai oleh kerajaan kadangkala menimbulkan tanda tanya. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa masih terdapat beberapa perkara yang hanya kerajaan yang berupaya melakukannya. Institusi-institusi penyelidikan yang dibiayai kerajaan memang telah menetapkan penyelidikan kesihatan sebagai bidang penyelidikannya, dengan menjalankan kajian-kajian yang mana pihak organisasi yang mementingkan keuntungan tidak akan melakukannya disebabkan tiada nilai komersil. Institusi-institusi yang dibiayai awam menjalankan kajian yang keuntungannya selalunya tidak jelas atau kuantitinya tidak dapat dinyatakan atau tempoh kematangan hasilnya mengambil masa yang lama. Kita perlu mencari penyelesaian bagi masalah yang dihadapi kerana ini merupakan sesuatu yang orang lain tidak akan melakukannya untuk kita.

20. Malaysia berhasrat untuk menjadi pemain utama dunia dalam bidang sains dan teknologi dan bukan semata- mata sebagai penerima yang pasif. Untuk tujuan ini, jutaan ringgit telah dilaburkan dalam R&D melalui aktiviti-aktiviti institusi penyelidikan seperti IMR. Walau bagaimanapun, hasil-hasil penyelidikan akan hanya menguntungkan rakyat dan ekonomi sesebuah negara sekiranya pengetahuan ini boleh digunakan. Pengkomersilan hasil penyelidikan mampu untuk menghasilkan pulangan lumayan dan juga menghasilkan kekayaan. Untuk kejayaan sesuatu pengkomersilan, perkongsian yang bijak antara institusi-institusi penyelidikan dengan sektor swasta adalah faktor yang penting. Bagi memperkukuhkan lagi usaha pengkomersilan, Koperasi Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) telah ditubuhkan untuk memberi bantuan kewangan dan teknikal kepada syarikat-syarikat tempatan yang telah bekerjasama dengan institusi-institusi kerajaan dalam mengkomersilkan hasil penyelidikan mereka. Saya berasa bangga setelah mengetahui bahawa model perniagaan ini telah disedari sepenuhnya oleh IMR, MTDC dan sektor swasta yang dibuktikan dengan percubaan yang berjaya dalam menghasilkan tiga produk yang berguna, iaitu Mosbac, R-est dan Nutrical. Pencapaian-pencapaian inovasi ini telah membuktikan bahawa institusi- institusi di Malaysia mempunyai kemampuan untuk mencipta dan menghasilkan produk-produk berteknologi tinggi yang boleh bersaing di pasaran dunia. Mosbac ialah sejenis produk penghapus jejentik secara biologi, dan R-est sebagai kit ujian pantas bagi pengesanan kerintangan racun serangga, yang akan dilancarkan secara rasminya hari ini. Produk-produk ini berpotensi untuk dieksport dan pemindahan teknologi ke negara- negara membangun di kawasan tropika untuk membantu mereka dalam program kawalan nyamuk.

21. Perkembangan pesat dalam bioteknologi dalam dekad mendatang, bersama dengan pendedahan misteri genom manusia, telah menempatkan kita di ambang barisan depan baru dengan kemungkinan menarik dalam usaha saintifik dan

kejayaan cemerlang dalam bidang perubatan. Terdapatnya databes mengenai maklumat genetik ini akan memberikan satu asas baru bagi penemuan kaedah diagnostik baru, ubat-ubatan baru dan terapi baru. Pembangunan baru ini memerlukan interaksi yang lebih erat antara pihak kerajaan dengan sektor swasta dalam integrasi para penyelidik kerajaan ke arah penghasilan dinamik produk-produk baru. Dengan kata lain, perkongsian ini sepatutnya dieratkan lagi sebegitu rupa sehingga institusi penyelidikan boleh memegang dua peranan sebagai pembekal teknologi dan sebagai peserta dalam beberapa aspek proses pengeluaran secara komersil.

22. Memandangkan terdapat sumber-sumber semula jadi yang luas hasil tumbuh-tumbuhan dengan nilai perubatan di tanah air kita, kemajuan dalam perkongsian strategik baru sektor awam dengan swasta dan pengembangan berterusan kecekapan teknologi golongan penyelidik kita, kita sekarang memandang ke arah kreativiti dan inovasi golongan perubatan dan saintifik kita untuk meneruskan perjalanan dalam mendedahkan penemuan- penemuan perubatan yang boleh membantu mengurangkan beban penyakit dan meningkatkan taraf hidup.

23. Saya telah difahamkan bahawa IMR akan melalui satu pengstrukturkan semula sebagai gerak balas terhadap perubahan keperluan-keperluan kesihatan dan permintaan negara dengan lebih berkesan. Saya harap IMR dalam mengatur langkah berani ini akan mencapai kejayaan yang lebih tinggi dengan sistem baru ini serta dapat menyediakan satu pendekatan baru yang dinamik dan interaktif dalam bidang penyelidikan di abad ke-21.

24. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada IMR atas sambutan ulang tahunnya yang ke seratus. IMR unggul bukan hanya melalui sejarahnya yang lama tetapi melalui sumbangan yang membuat Malaysia berasa bangga dan berterima kasih saya doakan semoga IMR akan berjaya dalam usaha- usahanya pada masa-masa akan datang.

Terima kasih.